

# DIREKTORI PROJEK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA( UiTM) CAWANGAN JOHOR "2019-2022"



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

## Redaksi

Dr. Muhammad Majid

Ts. Dr. Mohamad Farid Misnan

Dr. Mohamad Faizal Ramli

Dr. Nur Fatihah Shaari

Dr. Fatin Farazh Ya'acob

Sofwah Md Nawi

Puteri Nur Hidayah Kamaludin

Siti Noor Ain Aziz

Dr. Basri Badyalina

Dr. Kerk Lee Chang

Dr. Nor Azairiah Fatimah Othman



**PENERBIT**  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor



Terbitan 1 2022

© Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

**Hakcipta Terpelihara**

Tiada mana-mana bahagian dari penerbitan ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam bentuk apa sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas kepada Unit Jaringan Industri & Komuniti, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni (BPJI&A) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Direktori Projek Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor “2019 - 2022”  
e ISBN 978-967-0479-96-5

Penaung: Prof. Dr. Ismail Ahmad (Rektor UiTM Cawangan Johor)

Penasihat I: Prof. Madya Dr. Saunah Zainon (Timb. Rektor PJI&A UiTMCJ)

Penasihat II: Prof. Madya Dr. Akmal Aini Othman (Timb. Rektor Hal Ehwal Akademik, UiTMCJ)

Koordinator: Dr. Muhammad Majid (Koordinator ICAN, UiTMCJ)

Penyelaras: Ts. Dr. Mohamad Farid Misnan (Penyelaras ICAN, UiTMCJ)

Editor: Dr. Mohamad Faizal Ramli / Dr. Nur Fatihah Shaari (FPdP, UiTMCJ)

Rekabentuk Kulit/dalamannya: Nurul Amin Norudin (PTDI, UITMCJ)

Sekretariat: Norshahnadz Mohamed Ghulam & Norahizah Idros (Pejabat BPJI&A, UiTMCJ)

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor,  
Jalan Universiti, Off KM 12 Jalan Muar,  
85000 Segamat,  
Johor.

Tel: 07-9352000  
Fax: 07-9352716

<https://johor.uitm.edu.my>

Dicetak di Malaysia



## Direktori Projek

### Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor “2019 - 2022”

## Redaksi

Dr. Muhammad Majid

Ts. Dr. Mohamad Farid Misnan

Dr. Mohamad Faizal Ramli

Dr. Nur Fatihah Shaari

Dr. Fatin Farazh Ya'acob

Sofwah Md Nawi

Puteri Nur Hidayah Kamaludin

Siti Noor Ain Aziz

Dr. Basri Badyalina

Dr. Kerk Lee Chang

Dr. Nor Azairiah Fatimah Othman

PENERBIT

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor



# DIREKTORI PROJEK 2019-2022




## VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan

## MISI

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terhadapan dan penyelidikan berimpak





## ISI KANDUNGAN

DARI PEJABAT REKTOR	vi
DARI PEJABAT TIMBALAN REKTOR PJI&A	vii
DARI PEJABAT TIMBALAN REKTOR AKADEMIK	viii
PRAKATA	ix
PENGHARGAAN	x
<b>KLUSTER PERUNDINGAN</b>	
1. Kursus Pengurusan Dokumentasi	2
2. "SULAM for INV621 - Applied Investment Management"	3
3. Penceramah & Pakar Rujuk Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Agensi Perkhidmatan Awam & UiTM	4
4. "Investigation of Telluric Effects on Buried Natural Gas Pipeline in Northern Malaysia"	5
5. Pusat Inkubator Keusahawanan Spa dan Sauna MASMED (PIKSS)	6
6. Mersing Diver Apps	7
7. Pelaksanaan Modul Latihan Amali bagi DGC10013 ( <i>Inorganic and Physical Chemistry</i> ) Pelajar Politeknik Tun Syed Nasir (PTSN), Pagoh	8
<b>KLUSTER KHIDMAT MASYARAKAT</b>	
8. Webinar Menang Sendiri atau Menang Bersama: Perniagaan untuk Anda	10
9. Projek AnNur Box	11
10. Modul Asas Perakaunan (MAP) bagi Perusahaan Kecil & Sederhana Johor	12
11. Projek Pembangunan Insaniah dan Konservasi Taman Negara Ledang	13
12. "Digital Marketing for SMEs (DM&E)"	14
13. Sumbangan <i>Faceshield</i> /Pelitup Muka untuk Guru-Guru Sekolah dan Staf Hospital di Daerah Segamat	15
14. Webinar Career Talk FP "Santai Alumni: Dua Renyah Dua Rasa"	16
15. Program Sumbangan Keperluan Asas untuk Asnaf di Sekitar Segamat	17
16. Infaq Ramadhan (IR.1.0)	18
17. Talam Ramadhan FPM - Yayasan Maghfirah	19
18. "Accountancy Gift of Love 4.0 (AGOL 4.0) Communities: Infaq Ramadhan Sprint"	20
19. Webinar Kesihatan Mental Kanak-Kanak dan Remaja – Jom Cegah Sebelum Parah	21
20. "IV-STEM @ Volunteers STEM"	22
21. "SIG:Power Sharing"	23
22. Projek Pembersihan Sungai Daeng Menggunakan Pemerangkap Semula Jadi daripada Bahan Gentian Kekabu	24
23. Program Inovasi Baja Organik (P.I.B.O)	25
24. Projek Sukarelawan Pelupusan al-Quran	26
25. Kursus Kesempurnaan Solat	27
26. Pertandingan Syarahan Majlis Tilawah dan Nasyid antara Pertubuhan Anak-Anak Yatim 2019	28
27. "Autistic Community Outreach"	29
28. "For Better Unity, Help Your Community"	30
29. Edutainment 4 UPSR	31



<b>KLUSTER PENDIDIKAN</b>	
30. Webinar Infaq & Sadaqah bersama YaPEIM: Menelusuri Sirah Nabawiyyah	33
31. "Teaching on The Go"	34
32. "Chemistry is Fun: Master the Basics"	35
33. "Paired-Reading with Peter and Jane"	36
34. Webinar Pengurusan Harta Pusaka	37
35. Webinar "The International Webinar A Century of Resistance: Palestinian Activism and Opposition to Israeli Occupation and Settler Colonialism"	38
36. Webinar Perubatan Islam Siri 1	39
37. Pelaburan untuk Komuniti	40
38. Webinar "UiTM International Public Lecture; The Middle East: Challenges, Trends and Prospects"	41
39. Bengkel Kesempurnaan Ibadat 3.0	42
40. Program STEM	43
41. Musabaqah Hifzil Quran (MHQ) Peringkat Asean Ke-5, Saringan Peringkat Kebangsaan	44
42. Big Data Lab	45
43. CGS-CIMB Trading Room	46
<b>KLUSTER PENTERNAKAN DAN PERTANIAN</b>	
44. Projek Kolaborasi Fertigasi Cili	48
45. Projek Laksamana Nektar	49
46. Projek Kolaborasi Keusahawanan Kebun Angkat Penanaman Nanas MD2 UiTM Cawangan Johor – Kerajaan Negeri Johor - MASMED	50
<b>CADANGAN PROJEK</b>	
47. Projek Berskala Besar Tanaman Nanas MD2	52
48. "Accelerated Entrepreneurship Development Program (ACE Program)"	53
49. Konsultansi dan Latihan untuk Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) Johor	54
50. "Modeling of Durian Hub Ecosystem as a Main Agro Tourism Attraction in Segamat"	55
51. Projek Pembangunan Tanah Terbiar untuk Tujuan Sumber Ekonomi Golongan B40, Ibu Tunggal, dan Fakir Miskin Pasca COVID-19 Kawasan Felda Keratong, Pahang	56
52. "Centre of Economic Hub UiTMJ4SDS"	57
53. Projek Pengumpulan & Penggunaan Semula Air Hujan di Perkampungan Orang Asli Sekitar Johor	58
54. Projek Pembangunan Tanah Pusaka Beku yang Terbiar	59
55. "Language Arts and Craft"	60
56. "Let's have fun!"	61
57. "Get it Right!"	62
58. Developing Frozen Estates in Terengganu	63
59. "Facts X Fictions: Short Stories and Poems"	64

## DARI PEJABAT REKTOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Sekalung tahniah saya ucapan buat pihak redaksi atas kejayaan menerbitkan Direktori Projek Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor (UiTMCJ) “2019-2022”. Bagi kumpulan editor dan penulis, segala jerih payah dan sumbangan dalam penerbitan direktori ini merupakan usaha yang dihargai kerana ia satu usaha murni dalam menjadikan UiTM sebagai universiti terkenal di peringkat global. Usaha untuk mengumpul dan mengkompilasikan projek yang telah dan akan dijalankan bukanlah perkara yang mudah kerana ia melibatkan kerjasama dan komitmen dari kesemua kakitangan UiTMCJ, samada kakitangan akademik mahupun bukan akademik.



Pada hemat saya, penghasilan direktori projek UiTMCJ ini amat penting dan bermanfaat buat semua pihak kerana mempunyai maklumat yang sarat dan dipersembahkan dengan begitu mudah untuk rujukan semua. Direktori projek UiTMCJ merangkumi 59 projek secara keseluruhan dan dikategorikan mengikut kluster berkaitan seperti perundingan, khidmat masyarakat, pendidikan, dan penternakan serta pertanian. Di sini dapat kita lihat bahawa kakitangan UiTMCJ bukan hanya melaksanakan kerja hakiki semata iaitu melahirkan tenaga mahir dalam pelbagai bidang malah mereka juga mempunyai kemahiran dan kepakaran yang disumbangkan untuk pembangunan komuniti setempat. Saya percaya bahawa program yang dilaksanakan adalah proses memasyarakaskan universiti di mana ianya mampu merapatkan jurang yang wujud antara masyarakat dan universiti sejajar dengan pelaksanaan konsep Komuniti Universiti yang telah dilaksanakan oleh UiTM untuk memperluaskan peranan universiti dalam penyebaran ilmu dan maklumat bagi membantu pembangunan industri dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Akhir kata, tahniah dan syabas diucapkan kepada pihak redaksi serta semua pihak yang telah berusaha gigih bagi merealisasikan penerbitan direktori projek UiTMCJ yang bakal menjadi sumber informasi utama gerbang kejayaan UiTMCJ.

Sekian, wassalam.



PROF. DR. HAJJI ISMAIL AHMAD  
Rektor  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor



## DARI PEJABAT TIMBALAN REKTOR PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI & ALUMNI

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana diberi peluang untuk mencoretkan sepatah dua kata dalam Direktori Projek Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor “2019-2022” ini. Direktori projek ini menghimpunkan senarai projek yang telah atau bakal dilaksanakan oleh kakitangan akademik dan bukan akademik di Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor (UiTMCJ) dari tahun 2019 hingga 2022. Direktori ini dihasilkan untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada semua warga UiTMCJ. Ianya merupakan saluran yang tepat bagi mengetahui kepakaran-kepakaran yang ditawarkan oleh warga UiTMCJ. Terdapat beberapa kluster projek yang dijalankan antaranya pendidikan, jaringan dan kerjasama industri, khidmat masyarakat, perundingan, penternakan dan pertanian.



Di sini, saya mengambil peluang mengucapkan tahniah dan sekalung penghargaan di atas usaha dan kerja berpasukan yang ditunjukkan oleh Unit Jaringan Industri dan Komuniti, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (BPJI&A), UiTMCJ dalam memastikan penghasilan Direktori Projek UiTMCJ “2019-2022” ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Saya turut merakamkan jutaan terima kasih kepada Rektor, UiTMCJ atas sokongan yang diberi serta kepada pihak redaksi, editor, pereka grafik dan ketua-ketua projek yang turut memainkan peranan penting dalam penerbitan direktori ini.

Akhir kata, semoga penghasilan direktori ini dapat memberi manfaat kepada ramai pihak dan membantu dalam menyalurkan maklumat berkaitan projek yang telah dan bakal dilaksanakan oleh warga UiTMCJ. Semoga penerbitan ini dapat membuka mata ramai pihak dan lebih banyak peluang diberikan kepada warga UiTMCJ untuk menjalankan projek yang dapat memberi impak bukan sahaja kepada pihak universiti dan pelajar, tetapi turut memberi kesan positif kepada pembangunan masyarakat, industri, dan negara.

Wassalam.

**PROF. MADYA DR. SAUNAH ZAINON**

Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

## DARI PEJABAT TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

Revolusi Industri 4.0, perubahan iklim dan diikuti dengan wabak COVID-19 membuatkan sektor pendidikan tidak terlepas daripada melalui cabaran yang hebat. Justeru, sektor pendidikan perlu beradaptasi dengan pantas selari dengan kehendak semasa, bersedia dengan transformasi dan perubahan yang sejajarnya dalam pelbagai aspek. Salah satu aspek yang perlu diambil kira adalah jaringan industri and komuniti.

Direktori Projek Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor (UiTMCJ) “2019-2022” menghimpunkan senarai projek yang telah dan bakal dilaksanakan oleh kakitangan akademik dan bukan akademik di UiTMCJ dari tahun 2019 hingga 2022. Direktori ini diharap dapat membantu menyalurkan maklumat yang tepat dengan menyenaraikan kepakaran warga UiTMCJ. Di samping itu, direktori ini terdiri daripada beberapa kluster antaranya khidmat masyarakat, pendidikan, perundingan, penternakan dan pertanian.



Saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas komitmen dan kerja berpasukan yang ditunjukkan oleh Unit Jaringan Industri dan Komuniti, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (BPJI&A), UiTMCJ dalam memastikan penghasilan Direktori Projek Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor “2019-2022”. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Rektor, UiTMCJ atas sokongan yang diberi serta kepada pihak redaksi, editor, pereka grafik, ketua dan ahli-ahli projek yang turut memainkan peranan penting dalam penerbitan direktori ini.

Akhir kata, saya menyeru seluruh warga UiTMCJ untuk bersama-sama mempertingkatkan prestasi dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugas masing-masing.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu’alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.

Terima kasih.



**PROF. MADYA DR. AKMAL AINI OTHMAN**

Timbalan Rektor Akademik

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor



## PRAKATA

Unit Jaringan Industri dan Komuniti merupakan sebuah unit dibawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (BPJI&A) UiTM Cawangan Johor. Unit ini berperanan, antaranya mengurus dan mewujudkan program jaringan profesional yang mantap antara kampus dan pihak industri, mencari peluang untuk membuat perjanjian persefahaman bersama pihak industri, dan memastikan perhubungan yang sihat dan harmoni terjalin di antara universiti dan pihak industri.



Direktori Projek Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor (UiTMCJ) "2019-2022" merupakan direktori yang menyenaraikan 59 projek yang telah dan akan dijalankan oleh warga UiTMCJ dalam bidang perundingan, penternakan dan pertanian, khidmat masyarakat, pendidikan, dan banyak lagi. Disamping itu, sinergi di antara pihak UiTMCJ dan industri sangat penting bagi membina ekosistem pendidikan tinggi ke arah yang lebih baik. Menyedari hal ini, direktori ini telah dirangka sebagai rujukan dan inisiatif bagi memperkuatkan jalinan kerjasama di antara akademia dan pihak industri serta komuniti dengan matlamat ke arah menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka dunia pada tahun 2025. Dalam merangka direktori ini, pelbagai pihak telah memberikan komitmen dari segi tenaga, masa, dan kepakaran masing-masing. Mereka terdiri daripada ketua dan ahli-ahli projek, pihak redaksi dan warga UiTMCJ.

Saya juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Rektor, Timbalan Rektor PJI&A, Timbalan Rektor Akademik dan pengurusan UiTMCJ yang banyak membantu bagi merealisasikan penerbitan Direktori Projek Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor (UiTMCJ) "2019-2022".

Sebelum mengakhiri prakata ini, ingin saya kongsikan satu kata-kata dari Michele Jennae seorang penulis terkenal dari Amerika Syarikat yang berbunyi "Networking is not about just connecting people. It's about connecting people with people, people with ideas, and people with opportunities."

Wassalam.

**DR. MUHAMMAD MAJID**

Koordinator ICAN (Unit Jaringan Industri dan Komuniti)  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

## PENGHARGAAN

Ahmad Khudzairi Khalid  
Almarhumah Khadijah Yahya  
Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman  
Che Faridah Che Mahmood  
Derwina Daud  
Dr. Ahmad Syahmi Ahmad Fadzil  
Dr. Amir Imran Zainoddin  
Dr. Mohamad Faizal Ramli  
Dr. Nurhani Kasuan  
Dr. P. Siva Shamala Palaniappan  
Dr. Rahmawati Mohd Yusoff  
Dr. Rosmawati Haron  
Dr. Syaimak Ismail  
Farhana Idris  
Haryati Ahmad  
Henny Hazliza Mohd Tahir  
Isma Ishak  
Jannah Munirah Mohd Noor  
Jaslin Md Dahlan  
Kharudin Mohd Sali @ Salleh  
Mohamad Zaki Razaly  
Mohd Zainodin Mustaffa  
Nazrudin Hashim  
Noraisyah Abdl Aziz  
Norfizah Othman  
Nurul Huda Md Yatim  
Prof. Madya Ahmad Nawawi Hj Yaakob  
Prof. Madya Dr. Syahrul Ahmar Ahmad  
Prof. Madya Zaluddin Sulaiman



Rohanizan Md Lazan  
Rusnani Mohamad Khalid  
Shaherah Abdul Malik  
Sharifah Iziuna Sayed Jamaludin  
Siti Hajar Anaziah Muhamad  
Siti Noor Ain Aziz  
Siti Nordiyana Isahak  
Siti Nurul 'Ain Hj Zaiton  
Siti Zarikh Sofiah Abu Bakar  
Syamsyul Samsudin  
Tay Bee Hoong  
Ts. Ahmad Kamalrulzaman Othman  
Ts. Dr. Ahmad Faiz Ghazali  
Ts. Mohammad Abdullah  
Zailati Ahmad



# PERUNDINGAN



## Nama Projek: **Kursus Pengurusan Dokumentasi**

**Ringkasan projek:** Pengurusan dokumen bermula dengan aktiviti penyediaan dokumen seperti surat menyurat, laporan dan sebagainya, diikuti dengan proses penyimpanan, mencari dan berkongsi data bagi tujuan kelancaran organisasi. Pengurusan dokumen yang tepat dan cepat melambangkan kecemerlangan organisasi. Namun begitu, bagi tujuan penyeragaman proses pendokumentasian perlu berlandaskan panduan yang telah dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia. Penceramah Kursus Pengurusan Dokumentasi terdiri daripada dua orang pensyarah Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor (UiTMCJ) iaitu Che Faridah Che Mahmood dan Nor Diana Abd Rahman. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta atau staf syarikat berkaitan dengan pengurusan dokumentasi agar pengurusan syarikat lebih efisien dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti. Kandungan kursus berkaitan dengan penyediaan surat atau email rasmi, pengurusan fail dan pengurusan inventori mengikut panduan Arkib Negara Malaysia.

**Ketua Projek:** Che Faridah Che Mahmood (☎: 07- 935 2127; ✉: [cfcm104@uitm.edu.my](mailto:cfcm104@uitm.edu.my))  
Ahli 1: Nor Diana Abd Rahman

Tarikh mula dan tamat projek: 27 Januari 2022 hingga 28 Januari 2022

Penawaran kepada: Latihan pengurusan dokumentasi

Kumpulan sasar: 25 kakitangan Teja Skills Solution

Bidang: Sains Sosial

Kelompok/Kluster: Perundingan

---

### Galeri gambar



Nama Projek:

## “SULAM for INV621 - Applied Investment Management”

**Ringkasan projek:** Projek “SULAM for INV621 - Applied Investment Management” pada dasarnya adalah salah satu projek yang dilaksanakan bagi menyempurnakan kolaborasi antara pihak universiti dengan komuniti yang terlibat. Objektif utama inisiatif ini dilakukan adalah permindahan pengetahuan di antara universiti iaitu pelajar, khususnya kepada komuniti terpilih. Bagi merealisasikan matlamat ini, SULAM (*Service-Learning Malaysia*) yang bertemakan Komuniti Bijak Pelaburan bertujuan untuk membantu komuniti memahami ilmu asas pelaburan dan seterusnya membantu mereka untuk menjana pendapatan tambahan melalui pelaburan saham. Projek ini telah berjaya mendapat pelbagai anugerah seperti Anugerah Kecemerlangan Inovasi Sains Sosial 2021, Anugerah Special Interest Group (SIG) berpotensi 2021 dan banyak lagi.

---

**Ketua Projek:** Rohanizan Md Lazan (☎: 07-935 2096 :✉: [rohan134@uitm.edu.my](mailto:rohan134@uitm.edu.my))

Ahli 1: Syamsul Samsudin

Ahli 2: Nik Nur Shafika Mustafa

Ahli 3: Nurul Haida Johan

Ahli 4: Dr. Maizura Md Isa

Ahli 5: Ferri Nasrul

Tarikh mula dan tamat projek: 1 Januari 2021 hingga 1 November 2021

Penawaran kepakaran: Perundingan ilmu asas pelaburan saham

Kumpulan sasar: Komuniti B40

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Perundingan

---

### Galeri Gambar





Nama Projek:

## Penceramah & Pakar Rujuk Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Agensi Perkhidmatan Awam & UiTM

**Ringkasan projek:** Projek ini merupakan siri projek perundingan atas kapasiti menawarkan kepakaran dalam pelaksanaan aktiviti kreatif dan inovatif, serta inovasi di kalangan agensi-agensi perkhidmatan awam dan UiTM. Peserta akan dibimbing secara total dalam konteks penghasilan inovasi yang berimpak tinggi dan pelaporan atau dokumentasi yang komprehensif.

**Ketua Projek:** Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman (**tel:** 07-935 2157; **email:** azura447@uitm.edu.my)

Tarikh mula dan tamat projek: 1 Januari 2020 hingga sekarang

Penawaran kepakaran: Bimbingan dalam penghasilan projek berimpak tinggi dan pelaporan/dokumentasi komprehensif

Kumpulan sasar: Kakitangan perkhidmatan awam dan UiTM yang terlibat dengan aktiviti Kumpulan Kreatif & Inovatif (KIK) serta Inovasi

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Perundingan

---

### Galeri Gambar





## Nama Projek:

# “Investigation of Telluric Effects on Buried Natural Gas Pipeline in Northern Malaysia”

**Ringkasan projek:** Projek “Investigation of Telluric Effects on Buried Natural Gas Pipeline in Northern Malaysia” telah dilaksanakan pada 14 Januari 2020 dan berakhir pada 13 Mac 2021. Projek ini adalah berkaitan kajian terhadap faktor penyebab risiko kakisan saluran paip gas bawah tanah. *Smart Data Logger* telah direka cipta dan dibangunkan bagi sistem pemantauan yang tahan kepada persekitaran mencabar. Parameter yang dipantau adalah potensi paip-ke-tanah (PSP) di mana 0.8 – 1.15V adalah julat yang selamat, paip berada dalam perlindungan *Impressed Current Cathodic Protection* (ICCP). Nilai PSP ini dirakam dalam sistem *Data Logger* sepancas 0.1 mili-saat per bacaan. Kajian ini diintegrasikan dengan data geomagnetik yang diperolehi dari Sistem Pemerolehan Data Magnetik (MAGDAS). Kajian ini menganalisa data PSP dan data geomagnetik dan ianya mempunyai korelasi terhadap bacaan PSP yang menyebabkan bacaan PSP luar dari julat selamat. Perubahan cuaca angkasa lepas (Space Weather) telah mengaruahkan arus *Telluric/ Stray Current* yang menyebabkan bacaan perubahan PSP yang tidak stabil walaupun dalam perlindungan ICCP. Pelan mitigasi dicadangkan berdasarkan penemuan ini. Kajian ini merupakan projek usahasama dengan Petronas Gas Berhad (PGB), Angkasa Malaysia dan Universiti Kyushu, Jepun.

**Ketua Projek:** Dr. Nurhani Kasuan (☎: 07-381 8190;✉: [nurhani924@uitm.edu.my](mailto:nurhani924@uitm.edu.my))

Ahli 1: Dr. Muhammad Asraf Hairuddin

Ahli 2: Nur Dalila Khirul Ashar

Ahli 3: Prof. Madya Ir. Dr. Zakaria Hussain

Ahli 4: Dr. Rozan Boudville

Ahli 5: Ir. Ts. Khairul Azman Ahmad

Tarikh mula dan tamat projek: 14 Januari 2020 hingga 13 Mac 2021

Penawaran kepakaran: *Smart Data Logger for CP Monitoring*

Kumpulan sasar: Syarikat minyak dan gas

Bidang: Sains dan Teknologi

Kelompok/Kluster: Perundingan

## Galeri Gambar





Nama Projek:

## Pusat Inkubator Keusahawanan Spa dan Sauna MASMED (PIKSS)

**Ringkasan projek:** Pusat Inkubator Keusahawanan Spa dan Sauna MASMED (PIKSS) merupakan perniagaan yang berkonsepkan spa, salun dan pusat kecantikan berasaskan herba tradisional dan perubatan holistik yang memfokuskan kepada urutan badan dan urutan wajah. PIKSS telah ditubuhkan pada 2 Disember 2014 dan dipatenkan melalui RIBU (Research Innovation Business Unit) UiTM. Ia merupakan salah sebuah pusat latihan usahawan dan pusat pengkomersilan spa dan sauna UiTMCJ. Fokus utama pusat ini tertumpu kepada komuniti orang kelainan upaya (OKU) di pusat latihan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) daerah Segamat, golongan ibu tunggal dan B40 di bawah bimbingan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). PIKSS bertujuan memberi pendedahan dan peluang untuk meningkatkan latihan kendiri melalui Kemahiran Kendiri Pengurusan Spa dan Salun, Kemahiran Keusahawanan Digital serta Kemahiran Pembuatan Sabun. Projek ini merupakan gabungan kepakaran dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Perakaunan, Fakulti Sains Gunaan, dan Fakulti Kejuruteraan Kimia.

**Ketua Projek:** Jannah Munirah Mohd Noor (☏: 07-935 2839; ✉: [jannah653@uitm.edu.my](mailto:jannah653@uitm.edu.my))

Ahli 1: Nur Elyiawati Japelus

Ahli 2: Dr. Azila Jaini

Ahli 3: Syadatul Zarina Mat Din

Ahli 4: Hairul Amiza Azman

Ahli 5: Ts. Mohamad Abdullah

Tarikh mula dan tamat projek: 1 Januari 2020 hingga sekarang

Penawaran kepakaran: Latihan urutan wajah, urutan badan, sauna, dan dandanan rambut.


Kumpulan sasar: Golongan B40, usahawan spa & salun, golongan kelainan upaya

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Perundingan

---

### Galeri Gambar



## Nama Projek:

### “Mersing Diver Apps”

**Ringkasan projek:** Projek ini membangunkan aplikasi atau sistem dalam talian untuk pendaftaran aktiviti selam skuba di pulau-pulau sekitar daerah Mersing. Penaja projek ini adalah Majlis Daerah Mersing dan projek ini telah bermula pada akhir tahun 2019 dan berjaya disiapkan pada pertengahan tahun 2020. Pembentukan aplikasi ini mengambil masa yang agak lama akibat penularan wabak COVID-19 yang melanda negara ini. Tujuan aplikasi ini dibangunkan adalah untuk merekod jumlah penyelam yang menjalankan aktiviti selam skuba di sekitar pulau-pulau di daerah Mersing, Johor. Pengguna aplikasi ini merupakan syarikat-syarikat yang menjalankan perkhidmatan selam scuba di sekitar Mersing, Johor. Lebih membanggakan pada tahun 2022, aplikasi ini akan diperluaskan untuk merekod aktiviti menjelajah pulau.

**Ketua Projek:** Isma Ishak (☏: 07-935 2745; ✉: [jsmai242@uitm.edu.my](mailto:jsmai242@uitm.edu.my))  
Ahli 1: Suhana Mohamed

Tarikh mula dan tamat projek: 1 Julai 2020 hingga 1 Jun 2021

Penawaran kepada: Pembangunan sistem dalam talian atau aplikasi



Kumpulan sasar: Syarikat yang menjalankan perkhidmatan selam skuba

Bidang: Sains dan Teknologi

Kelompok/Kluster: Perundingan

---

#### Galeri Gambar





Nama Projek:

## Pelaksanaan Modul Latihan Amali bagi DGC10013 - Inorganic and Physical Chemistry Pelajar Politeknik Tun Syed Nasir (PTSN), Pagoh

**Ringkasan projek:** Projek Pelaksanaan Modul Latihan Amali bagi DGC10013 - *Inorganic and Physical Chemistry*, Pelajar Politeknik Tun Syed Nasir (PTSN), Pagoh telah dilaksanakan pada 13 Oktober 2019 dan berakhir pada 15 Oktober 2019. Projek ini menawarkan perkhidmatan termasuk penyediaan bahan kimia, tenaga kerja yang berpengalaman, taklimat keselamatan, serta modul amali kepada pelajar Politeknik PTSN.

**Ketua Projek:** Siti Hajar Anaziah Muhamad (☏: 07-381 8527;✉: [sitihajar294@uitm.edu.my](mailto:sitihajar294@uitm.edu.my))

Ahli 1: Salmi Nur Ain Sanusi

Ahli 2: Nor Fadilah Mohammad

Ahli 3: Sharifah Iziuna Sayed Jamaludin

Ahli 4: Aliah Ahmad Shahrudin

Ahli 5: Nurhaslina Hambari

Tarikh mula dan tamat projek: 13 Oktober 2019 hingga 15 Oktober 2019

Penawaran kepakaran: Amali makmal

Kumpulan sasar: Pelajar Politeknik PTSN & Inovatif (KIK) serta Inovasi.

Bidang: Sains dan Teknologi

Kelompok/Kluster: Perundingan

---

### Galeri Gambar





جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# KHIDMAT MASYARAKAT



Nama Projek:

## Webinar Menang Sendiri atau Menang Bersama: Perniagaan untuk Anda

**Ringkasan projek:** Webinar Menang Sendiri atau Menang Bersama: Perniagaan untuk Anda merupakan projek “Community to Community (C2C)” anjuran Unit Jaringan Industri dan Komuniti dengan kerjasama Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED), UiTMCJ dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Segamat telah diadakan secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet* pada 1 Januari 2022 bermula 9 pagi hingga 5 petang. Webinar ini dihadiri oleh peserta-peserta yang terdiri daripada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Segamat iaitu peserta 2 Years Project (2yep), dan penerima bantuan yang mampu bekerja. Hasrat projek ini diadakan adalah bagi membuka minda peserta tentang peluang-peluang yang ada serta meningkatkan motivasi mereka untuk menjana pendapatan melalui perniagaan berkonsepkan ejen dan *dropshipper*. Selain itu, peserta turut diberi pendedahan mengenai teknik pemasaran berkesan agar dapat mlariskan jualan mereka. Sesi webinar ini telah disampaikan oleh Ahmad Fuzi Md Ajis, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTMCJ. Projek C2C ini mendapat peruntukan dengan menggunakan suntikan dana yang diperolehi melalui projek Usahaniti@Johor di bawah seliaan MASMED UiTMCJ.

**Ketua Projek:** Siti Noor Ain Aziz (📞 : 07-935 2777; ✉: [sitin308@uitm.edu.my](mailto:sitin308@uitm.edu.my))

Ahli 1: Dr. Fatin Farazh Ya'acob

Ahli 2: Mahasin Maeraj@Saja

Ahli 3: Mohamad Hafiz Rosli

Ahli 4: Siti Salimah Jalal

Ahli 5: Sofwah Md Nawi

Ahli 6: Puteri Nur Hidayah Kamaludin

Ahli 7: Farhana Idris

Tarikh mula dan tamat projek: 1 Januari 2022

Penawaran kepada: Latihan keusahawanan

Kumpulan sasar: Penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

### Galeri Gambar



## Nama Projek: Projek AnNur Box

**Ringkasan projek:** Projek AnNur Box merupakan projek yang ditubuhkan oleh kumpulan SIG-WECARE di bawah BPJI&A, akibat penularan wabak COVID-19 yang masih berada pada tahap membimbangkan. Projek ini bertujuan untuk menyampaikan rasa prihatin terhadap situasi semasa dengan sumbangan berbentuk alat kelengkapan perlindungan dari wabak COVID-19 bagi memastikan tahap kawalan keselamatan kendiri di rumah terjamin.

**Ketua Projek:** Noraisyah Abdil Aziz (☎: 07-935 2357; ✉: [norai477@uitm.edu.my](mailto:norai477@uitm.edu.my))

Ahli 1: Wan Nor Hafidzah Wan Mohd

Ahli 2: Farah Suraya Nasrudin

Ahli 3: Mohd Lezam Lehat

Ahli 4: Safura Adeela Sukiman

Tarikh mula dan tamat projek: 6 Jan 2022 hingga 31 Ogos 2022

Penawaran kepada: Program kerohanian

Kumpulan sasar: Komuniti setempat dan penduduk di Segamat, Johor

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

### Galeri Gambar





# Nama Projek: **Modul Asas Perakaunan (MAP)** **bagi Perusahaan Kecil & Sederhana Johor**

**Ringkasan projek:** Berteraskan “Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030”, bervisikan Negeri Berprestasi Tinggi, Bangsa Johor Bestari; dan selari dengan Teras 1 (pemerkasaan ekonomi), Dasar 2 (mewujudkan ekonomi desa yang berdaya saing) dan Dasar 3 (tumpuan kepada pemerkasaan sektor-sektor ekonomi), Fakulti Perakaunan, UiTMCJ mengambil inisiatif untuk berkongsi kepakaran dan bekerjasama untuk memperkasakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negeri Johor. Modul Asas Perakaunan (MAP) meletakkan sasaran untuk membantu pemilik-pemilik PKS di negeri Johor dalam menyediakan sistem perekodan perakaunan yang teratur bagi membantu mereka dalam mencapai objektif perniagaan.

**Ketua Projek:** Henny Hazliza Mohd Tahir (☎: 07-935 2271; ✉: [henny030@uitm.edu.my](mailto:henny030@uitm.edu.my))

Ahli 1: Syed Khusairi Tuan Azam

Ahli 2: Prof. Madya Dr. Syahrul Ahmar Ahmad

Ahli 3: Prof. Madya Dr. Mohd Halim Kadri

Ahli 4: Norhidayah Abdullah

Ahli 5: Dr. Rosmawati Haron

Ahli 6: Zarina Abu Bakar

Ahli 7: Norfizah Othman

Ahli 8: Siti Rahayu Sarman

Tarikh mula dan tamat projek: Januari 2022 hingga Disember 2023

Penawaran kepakaran: Latihan kewangan

Kumpulan sasar: Pemilik PKS di negeri Johor

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

## Galeri Gambar



## Nama Projek: **Projek Pembangunan Insaniah dan Konservasi Taman Negara Ledang**

**Ringkasan projek:** Projek Pembangunan Insaniah dan Konservasi Taman Negara Ledang merupakan projek kerjasama UiTMCJ dengan Taman Negara Gunung Ledang, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Daerah Tangkak dan Institut Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia (FRIM). Terdapat beberapa objektif pelaksanaan projek antaranya untuk memelihara flora dan fauna menerusi penubuhan program 1 Kampung 1 Nurseri. Program ini membantu menjana pendapatan orang asal dan UiTMCJ dalam tempoh jangka masa sederhana dan panjang, di samping dapat memberi didikan dan pendedahan mengenai pemuliharaan dan pemeliharaan flora dan fauna di Taman Negara Gunung Ledang. Projek ini juga membantu meningkatkan pembangunan insaniah orang asal menerusi penubuhan Pusat Latihan dan Pembangunan Insaniah Orang Asal. Penubuhan pusat latihan ini bertujuan untuk melatih kemahiran insaniah orang asal dalam bidang pertanian, perniagaan, pelancongan dan rekreasi, serta untuk membangunkan sosio-ekonomi orang asal supaya taraf hidup mereka dapat ditingkatkan.

**Ketua Projek:** Dr. Ahmad Syahmi Ahmad Fadzil (☏: 07-935 2789; ✉: [syahmifadzil@uitm.edu.my](mailto:syahmifadzil@uitm.edu.my))

Ahli 1: Dr. Wan Amir Azlan Wan Haniff

Ahli 2: Zulhazmi Yusof

Ahli 3: Ira Syaqira Sukimin

Ahli 4: Norhafizah Amir

Ahli 5: Siti Fatimah Mohd Radzi

Tarikh mula dan tamat projek: 13 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022

Penawaran kepakaran: Koordinasi projek

Kumpulan sasar: Komuniti orang asal, Kampung Selai

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

### Galeri Gambar



## Nama Projek: “Digital Marketing for SMEs (DM&E)”

**Ringkasan projek:** Projek “Digital Marketing for SMEs (DM&E)” merupakan salah satu projek penyelidikan di bawah Dana *Special Interest Group* (SIG), UiTMCJ. Projek ini telah melaksanakan program khidmat nasihat berkaitan pemasaran digital selama enam minggu bersama komuniti usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di kawasan Segamat. Hasil penyelidikan ialah e-modul yang dapat membantu IKS meningkatkan kemahiran berkaitan pemasaran digital.

**Ketua Projek:** Jaslin Md Dahlan (☎: 07-935 2308; ✉: [jasli830@uitm.edu.my](mailto:jasli830@uitm.edu.my))

Ahli 1: Noor Azrin Zainuddin

Ahli 2: Nurulzulaiha Sau'dah@Suhadak

Ahli 3: Dr. Azila Jaini

Tarikh mula dan tamat projek: 15 Februari 2021 hingga 27 Februari 2022

Penawaran kepakaran: Kemahiran pemasaran digital


Kumpulan sasar: 3 usahawan

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

### Galeri Gambar



## Nama Projek: **Sumbangan Faceshield/Pelitup Muka untuk Guru - Guru Sekolah dan Staf Hospital di Daerah Segamat**

**Ringkasan projek:** Projek NUR merupakan sebuah projek kesukarelawan kumpulan SIG WECARE UiTM di bawah BPJI&A dan komuniti luar terutamanya penduduk di sekitar daerah Segamat. Projek ini merupakan program khidmat masyarakat di mana sumbangan berbentuk pelitup muka/faceshield telah disalurkan kepada warga guru di beberapa sekolah sekitar Segamat. Tujuan projek ini dilakukan adalah untuk menyampaikan rasa prihatin terhadap para guru yang kembali memulakan persekolahan sesi 2021 mulai 1 Mac 2021, sekaligus membantu kerajaan mengurangkan risiko kebolehjangkitan virus COVID-19. Projek ini mendapat dana hasil daripada sumbangan ikhlas dari pihak-pihak tertentu.

**Ketua Projek:** Noraisyah Abdil Aziz (☎: 07-935 2357; ✉: [norai477@uitm.edu.my](mailto:norai477@uitm.edu.my))

Ahli 1: Mohd Lezam Lehat

Ahli 2: Farah Suraya Nasrudin

Ahli 3: Wan Nor Hafidzah Wan Mohd

Ahli 4: Safura Adeela Sukiman

Tarikh mula dan tamat projek: 15 Februari 2021 hingga 30 April 2021

Penawaran kepakaran: Program kerohanian

Kumpulan sasar: Guru - guru beberapa sekolah dan staf hospital

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

### Galeri Gambar





## Nama Projek:

# Webinar Career Talk FP “Santai Alumni: Dua Rencah Dua Rasa”

**Ringkasan projek:** Webinar Career Talk FP “Santai Alumni: Dua Rencah Dua Rasa” ini adalah projek di bawah SIG, UiTM Cawangan Johor dan dijalankan dengan kerjasama Persatuan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (BACCSA). Program ini dijalankan sebanyak dua siri oleh alumni Universiti Teknologi MARA, di mana ia akan menjadi satu platform bagi memberi pendedahan yang lebih mendalam kepada para pelajar dan komuniti terhadap kerjaya bidang perakaunan. Melalui pengajuran webinar dengan kerjasama pengamal industri perakaunan, kumpulan *Special Interest Group* (SIG) ini menjadi medium bagi menyampaikan maklumat terkini yang relevan dengan perkembangan industri semasa dalam bidang perakaunan.

**Ketua Projek:** Norfizah Othman (☎: 07-935 2103; ✉: [norfi094@uitm.edu.my](mailto:norfi094@uitm.edu.my))

Ahli 1: Zarina Abu Bakar  
Ahli 2: Zakiah Baharin  
Ahli 3: Henny Hazliza Mohd Tahir  
Ahli 4: Emelin Abd. Wahid  
Ahli 5: Datin Aryani Abdullah  
Ahli 6: Siti Salimah Jalal  
Ahli 7: Mohd Hafiz Rosli

Tarikh mula dan tamat projek: 1 April 2021

Penawaran kepakaran: Latihan

Kumpulan sasar: Pelajar UiTM dan komuniti

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

### Galeri Gambar



## Nama Projek: **Program Sumbangan Keperluan Asas untuk Asnaf di Sekitar Segamat**

**Ringkasan projek:** Projek NUR merupakan sebuah projek kesukarelawan kumpulan SIG WECARE UiTM di bawah BPJI&A dan komuniti luar terutamanya penduduk di sekitar daerah Segamat. Projek ini merupakan program khidmat masyarakat di mana sumbangan telah disalurkan kepada penduduk asnaf di sekitar Segamat dalam bentuk bekalan makanan. Projek ini dilakukan bertujuan untuk menyampaikan rasa prihatin terhadap para asnaf yang memerlukan sumber makanan bagi menyambut bulan Ramadhan dengan penuh keberkatan.

**Ketua Projek:** Noraisyah Abdil Aziz (📞: 07-935 2357; ✉: [norai477@uitm.edu.my](mailto:norai477@uitm.edu.my))

Ahli 1: Wan Nor Hafidzah Wan Mohd

Ahli 2: Farah Suraya Nasrudin

Ahli 3: Mohd Lezam Lehat

Ahli 4: Safura Adeela Sukiman

Tarikh mula dan tamat projek: 1 April 2021 hingga 31 Mei 2021

Penawaran kepada: Program kerohanian

Kumpulan sasar: 100 asnaf dari senarai sekolah terpilih

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

### Galeri Gambar



## Nama Projek: Infaq Ramadhan (IR.1.0)

**Ringkasan projek:** Infaq Ramadhan (IR.1.0) merupakan projek yang menerima dana sebanyak RM1,000.00 daripada UiTMCJ. Projek ini telah berjaya diadakan bagi membantu meringankan beban golongan yang memerlukan sepanjang bulan Ramadhan 2021. Majlis penyerahan sumbangan ini telah diadakan di tiga (3) lokasi yang berbeza iaitu pertama pada 22 April 2021 di Kampung Bukit Keledang, Jementah, kedua dilakukan di Kampung Pulau Jering, Jementah pada 29 April 2021 dan sumbangan terakhir pada 6 Mei 2021 dilakukan di Kampung Paya Jakas, Jementah. Sebanyak 22 keluarga telah mendapat manfaat dan sumbangan berbentuk keperluan asas seperti tepung, beras, gula, susu dan minyak masak.

**Ketua Projek:** Ts. Ahmad Kamalrulzaman Othman (☎: 07-935 2319; ✉: [ahmad177@uitm.edu.my](mailto:ahmad177@uitm.edu.my))

Ahli 1: Yusnita Sokman

Ahli 2: Mohd Hafizan Musa

Ahli 3: Mohd Hanafi Azman Ong

Ahli 4: Mohd Halimi Abd Hamid

Ahli 5: Muhammad Zulqarnain Hakim Abd Jalal

Ahli 6: Ct Munnirah Niesha Mohd Shafee

Tarikh mula dan tamat projek: 11 April 2021 hingga 29 April 2021

Penawaran kepada: Program kerohanian

Kumpulan sasar: Masyarakat kampung berumur 30 sehingga 80 tahun

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

### Galeri Gambar





## Nama Projek:

# Talam Ramadhan FPM - Yayasan Maghfirah

**Ringkasan projek:** Yayasan Maghfirah telah mengadakan kempen yang dinamakan "Tabung Ikhlas Raikan Ramadhan", yang bertujuan berkongsi rezeki dengan mereka yang memerlukan. Bersempena dengan kempen ini, Yayasan Maghfirah telah bersetuju untuk memberi dana iftar (berbuka puasa) sebanyak RM5,000 kepada pelajar UiTMCJ. Projek yang dinamakan sebagai Talam Ramadhan FPM – Yayasan Maghfirah merupakan program kebajikan yang telah dilaksanakan oleh Fakulti Pengurusan Maklumat dan telah berlangsung pada 29 April 2021 (Khamis) dengan kerjasama Yayasan Maghfirah bagi meringankan bebanan serta menceriakan penerima sumbangan yang terdiri daripada pelajar UiTM Johor. Sebanyak 878 bungkus makanan telah berjaya diedarkan kepada semua pelajar.

**Ketua Projek:** Nurul Huda Md Yatim (☎: 07-935 2078; ✉: [nurul082@uitm.edu.my](mailto:nurul082@uitm.edu.my))

Ahli 1: Nor Diana Abd Rahman

Ahli 2: Azura Abdul Jamil@Kamarudzzaman

Ahli 3: Nurhafizah Azizan

Ahli 4: Suhaila Osman

Ahli 5: Qamarul Nazrin Harun

Tarikh mula dan tamat projek: 29 April 2021

Penawaran kepakaran: Program kerohanian

Kumpulan sasar: Pelajar UiTMCJ

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

### Galeri Gambar





## Nama Projek:

# “Accountancy Gift of Love 4.0 (AGOL 4.0) Communities: Infaq Ramadhan Sprint”

**Ringkasan projek:** “Accountancy Gift of Love 4.0 Communities: Infaq Ramadhan Sprint (AGOL 4.0)” adalah program *University Social Responsibility* (USR) anjuran Fakulti Perakaunan UiTM CJ. Menerusi keprihatinan dan sumbangan yang disampaikan, AGOL 4.0 bermatlamat meringankan beban serta mencetuskan kegembiraan kepada golongan asnaf di daerah Segamat, Johor dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri 1442H, khususnya kepada ahli masyarakat yang terkesan teruk akibat pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Bantuan masyarakat setempat yang bertindak sebagai sukarelawan di bulan Ramadhan telah berjaya mengenal pasti 20 individu dan keluarga fakir atau miskin sebagai penerima sumbangan. Pengagihan keperluan makanan asas dan duit raya telah berjaya disampaikan oleh sekretariat AGOL 4.0 pada 8 Mei 2021 dengan bantuan sukarelawan terlibat secara penghantaran dari rumah ke rumah.

**Ketua Projek:** Almarhumah Khadijah Yahya (☏: 07-935 2270; ✉: [noors771@uitm.edu.my](mailto:noors771@uitm.edu.my)) (Wakil: Dr. Noor Sufiawati Khairani)

Ahli 1: Dr. Noor Sufiawati Khairani

Ahli 2: Prof. Madya Dr. Rahimah Mohamed Yunos

Ahli 3: Nur Elyiawati Japelus

Ahli 4: Musmailina Mustafa Kamal

Ahli 5: Muhamad Ashaari Sukar

Ahli 6: Fairuz Ramli

Tarikh mula dan tamat projek: 8 Mei 2021 hingga 12 Mei 2021

Penawaran kepakaran: Program kerohanian

Kumpulan sasar: Golongan asnaf di daerah Segamat, Johor

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

## Galeri Gambar



## Nama Projek: **Webinar Kesihatan Mental Kanak-Kanak dan Remaja – Jom Cegah Sebelum Parah**

**Ringkasan projek:** Webinar Kesihatan Mental Kanak-Kanak dan Remaja - Jom Cegah Sebelum Parah merupakan perkongsian yang membincangkan mengenai kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja dewasa kini. Webinar ini telah dianjurkan oleh *Special Interest Group (SIG)* UiTMCJ yang terdiri daripada pensyarah kanan ekonomi dan diketuai oleh Zailati Ahmad. Perkongsian webinar ini telah mendapat sambutan hangat terutama dalam kalangan ibu bapa. Seramai 368 peserta telah menyertai webinar tersebut di mana ianya telah berlangsung pada 3 Jun 2021 secara dalam talian, *Cisco Webex*. Perkongsian yang dilakukan telah memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang kepentingan untuk mengambil berat mengenai kesihatan mental kanak-kanak dan remaja, dan cara mengatasi masalah tersebut terutamanya dalam kalangan ibu bapa yang sedang membesarkan anak-anak diusia remaja dan kanak-kanak.

**Ketua Projek:** Zailati Ahmad (☎ : 07-935 2263; ✉: [zaila856@uitm.edu.my](mailto:zaila856@uitm.edu.my))

Ahli 1: Rosmah Abd Ghani@lsmail

Ahli 2: Diana Mazan

Ahli 3: Siti Nordiyana Isahak

Ahli 4: Dr. Nur Fatihah Shaari

Ahli 5: Aidarohani Samsudin

Ahli 6: Dr. Fatin Farazh Ya'acob

Ahli 7: Norfariza Mohd Ali

Tarikh mula dan tamat projek: 3 Jun 2021

Penawaran kepakaran: Perkongsian ilmu



Kumpulan sasar: Warga UiTM dan komuniti

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

### Galeri Gambar





## Nama Projek: “iV-STEM @ Volunteers STEM”

**Ringkasan projek:** Seramai 25 mahasiswa dengan bimbingan dua orang pensyarah Fakulti Sains, Komputer dan Matematik (FSKM) UiTMCJ, iV-STEM atau kesukarelawanan STEM telah berjaya membangunkan dua bilik STEM di daerah Johor Bahru yang menjadi *One-Stop center*, menjalankan *online hand on experience* dan lima webinar *fiesta digital iV-STEM* peringkat negeri Johor. Usaha ini telah memberi manfaat kepada hampir 10,000 anak muda di negeri Johor. Dana luar yang diterima sebanyak RM8,000.00 daripada Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pelajaran Johor ini telah dimanfaatkan sebaiknya oleh mahasiswa dan pensyarah FSKM yang diketuai oleh Ahmad Khudzairi Khalid. Program ini telah menjalinkan kolaborasi dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Apadilangit, QSTEM-A, Kelab STEM FKE UiTMPG, Minecraft Education Malaysia dan Persatuan STEM Negeri Johor.

**Ketua Projek:** Ahmad Khudzairi Khalid (☎: 07-381 8457; ✉: [ahmad4829@uitm.edu.my](mailto:ahmad4829@uitm.edu.my))  
Ahli 1: Hajah Norbaiti Tukiman

Tarikh mula dan tamat projek: 1 Julai 2021 hingga 1 Julai 2022

Penawaran kepakaran: Pendidikan STEM


Kumpulan sasar: Pelajar yang berumur di antara 10 -12 tahun

Bidang: Sains dan Teknologi

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

### Galeri Gambar



## Nama Projek:

# “SIG:Power Sharing”

**Ringkasan projek:** Projek “SIG: Power Sharing” merupakan projek yang dilaksanakan di bawah *Special Interest Group (SIG)*, UiTMCJ. Projek ini telah diadakan bagi menyampaikan ilmu kepada orang ramai berkenaan penggunaan perisian statistik SPSS. Projek ini menawarkan yuran yang murah iaitu RM30.00 - RM50.00 kepada orang awam mengikut kategori yang telah ditetapkan. Sebanyak 3 siri ceramah ditawarkan pada setiap bulan.

**Ketua Projek:** Rusnani Mohamad Khalid (☎: 07-935 2842; ✉: [rusna162@uitm.edu.my](mailto:rusna162@uitm.edu.my))

Ahli 1: Nurul Aien Abd Aziz

Ahli 2: Mohd Hanafi Azman Ong

Ahli 3: Husnizam Hosin

Ahli 4: Dr. Noreen Noor Abd Aziz

Ahli 5: Shaherah Abdul Malik

Tarikh mula dan tamat projek: 1 Julai 2021 hingga 30 Oktober 2021

Penawaran kepakaran: Analisa data


Kumpulan sasar: Orang awam termasuklah staf UiTM dan pelajar

Bidang: Sains dan Teknologi

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

### Galeri Gambar





**Nama Projek:**

## **Projek Pembersihan Sungai Daeng Menggunakan Pemerangkap Semula Jadi daripada Bahan Gentian Kekabu**

**Ringkasan projek:** Projek pembersihan Sungai Daeng menggunakan pemerangkap semula jadi telah dilaksanakan di kawasan Kampung Perigi Acheh berhampiran dengan kawasan perindustrian Tanjung Langsat, Pasir Gudang. Projek ini telah berjaya memperoleh geran daripada industri sebanyak RM10,000.00 dan RM7,000.00 daripada Yayasan Pelajaran Johor (YPJ). Projek ini melibatkan pelajar dan staf UiTMCJ dalam membantu menggunakan teknik pemerangkap semula jadi dalam membersihkan sisa kotoran sungai sama ada dari kawasan kampung maupun industri.

**Ketua Projek:** Ts. Mohammad Abdullah (📞: 07-381 8522; ✉: [moham3767@uitm.edu.my](mailto:moham3767@uitm.edu.my))

Ahli 1: Ahmad Khudzairi Khalid

Ahli 2: Juliana Martin

Ahli 3: Nurul Hazwani Hanib

Ahli 4: Ts. Zulkhairi Mat Salleh

Ahli 5: Ts. Dr. Ab Aziz Mohd Yusof

Ahli 6: Dr. Nur Farhana Mohd Yusof

Tarikh mula dan tamat projek: 1 Ogos 2021 hingga sekarang

Penawaran kepakaran: Rawatan air sungai menggunakan bahan gentian semula jadi

Kumpulan sasar: Penduduk Kampung Perigi Acheh dan pihak industri

Bidang: Sains dan Teknologi

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

Galeri Gambar





## Nama Projek:

# Program Inovasi Baja Organik (P.I.B.O)

**Ringkasan projek:** Program Inovasi Baja Organic (P.I.B.O) adalah program khidmat masyarakat yang melibatkan penduduk Kampung Sepakat di sekitar Masai, Pasir Gudang, Johor. Projek ini menggunakan bahan sisa makanan sebagai bahan dasar dalam penghasilan baja kompos atau baja organik. Baja ini kemudiannya digunakan oleh penduduk kampung bagi menjaga tanaman di kebun mereka. Projek ini dibiayai oleh Yayasan Pelajaran Johor dengan nilai dana sebanyak RM5,200 di bawah program Duta Mahasiswa Johor.

**Ketua Projek:** Ts. Mohammad Abdullah (📞: 07-381 8522; ✉: [moham3767@uitm.edu.my](mailto:moham3767@uitm.edu.my))  
Ahli 1: Ahmad Khudzairi Khalid

Tarikh mula dan tamat projek: 1 Ogos 2021 hingga sekarang

Penawaran kepakaran: Kejuruteraan Kimia

Kumpulan sasar: Penduduk Kampung Sepakat

Bidang: Sains dan Teknologi

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

### Galeri Gambar





## Nama Projek: **Projek Sukarelawan Pelupusan al-Quran**

**Ringkasan projek:** Projek ini adalah inisiatif dari kumpulan *Special Interest Group* (SIG) AshManager. Pada 19 dan 20 Disember 2021, pengumpulan bahan-bahan berkaitan al-Quran dan cetakan mengandungi ayat al-Quran untuk tujuan pelupusan telah dijalankan. Pengumpulan bahan-bahan ini dilaksanakan di *Speaker's Corner*, UiTMCJ. Sebanyak 18 kilogram bahan telah berjaya dikumpul pada kedua-dua hari tersebut. Bayaran caj pelupusan termasuk sumbangan yang diterima adalah sebanyak RM120.00. Bahan-bahan pelupusan berserta bayaran caj pelupusan dan sumbangan sebanyak RM80.00 telah diserahkan kepada wakil Pusat Pelupusan Masjid Taman Yayasan pada 21 Disember 2021. Sumbangan untuk UiTM telah dipindahkan ke Akaun Kumpulan Wang Penyelidikan UiTMCJ secara dalam talian pada 2 Januari 2022.

**Ketua Projek:** Farhana Idris (☏: 07-935 2109 : ☐: [farha420@uitm.edu.my](mailto:farha420@uitm.edu.my))

Ahli 1: Abd Rahman Jamaan

Ahli 2: Mohd Halimi Ab Hamid

Ahli 3: Mohd Izuan Ismail

Ahli 4: Nor Rashidah Mohamed

Ahli 5: Siti Fatimah Mohamad Radzi

Tarikh mula dan tamat projek: 19 Disember 2021 hingga 21 Disember 2021

Penawaran kepakaran: Pelupusan bahan secara terancang

Kumpulan sasar: Komuniti UiTMCJ

Bidang: Sains dan Teknologi

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

### Galeri Gambar



## Nama Projek: **Kursus Kesempurnaan Solat**

**Ringkasan projek:** Kursus Kesempurnaan Solat anjuran Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dengan kerjasama Madrasah Ibnu Mas'ud telah dilaksanakan pada 8 Mac 2020. Kursus ini diadakan bagi tujuan memantapkan kefahaman dan kesempurnaan masyarakat setempat terhadap ibadah solat. Seramai 53 orang pelajar tahniz Madrasah Ibnu Mas'ud, Tasik Alai, Segamat, Johor telah menyertai program tersebut dan ceramah telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Zainodin bin Mustaffa. Pengajian program ini secara tidak langsung merapatkan ukhuwah dan kerjasama dengan pihak madrasah pengajian sekitar Segamat bagi memantapkan lagi kefahaman ibadah solat secara teori dan praktikal. Peruntukan kursus ini telah disediakan oleh pihak Madrasah Ibnu Mas'ud.

**Ketua Projek:** Mohd Zainodin Mustaffa (☎: 07-935 2345; ✉: [mohdz334@uitm.edu.my](mailto:mohdz334@uitm.edu.my))  
Ahli 1: Pensyarah ACIS, UiTMCJ

Tarikh mula dan tamat projek: 8 Mac 2020

Penawaran kepada rakyat: Perundingan amali solat

Kumpulan sasar: Pelajar Tahfiz Madrasah Ibnu Mas'ud, Tasik Alai, Segamat

Bidang: Sains sosial

Kelompok/Kluster: Khidmat masyarakat

---

### Galeri Gambar



Nama Projek:

## Pertandingan Syarahan Majlis Tilawah dan Nasyid antara Pertubuhan Anak-Anak Yatim 2019

**Ringkasan projek:** Puan Haryati Ahmad telah dilantik sebagai jurulatih peserta syarahan bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia bagi Rumah Darul Saadah kelolaan Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Segamat (PKAYIS) sempena Majlis Tilawah al-Quran dan Pertandingan Nasyid antara Pertubuhan Anak-Anak Yatim 2019. Peserta di bawah seliaan Haryati Ahmad iaitu Aimaduddin Mahat dan Nur Ashikin Rahim telah memenangi tempat ketiga untuk pertandingan syarahan Bahasa Inggeris di peringkat negeri Johor yang berlangsung di SMK Dato' Ali Hj. Ahmad, Pontian. Seorang lagi peserta, Muhammad Shafiq Sohri, telah memenangi tempat pertama untuk pertandingan syarahan Bahasa Melayu. Dengan kemenangan tersebut, beliau telah mewakili Pertubuhan Anak-Anak Yatim Negeri Johor ke pertandingan syarahan Bahasa Melayu di Majlis Tilawah al-Quran dan Pertandingan Nasyid antara Pertubuhan Anak-Anak Yatim peringkat kebangsaan kali ke-21 yang diadakan di Balai Islam Lundang, Kota Bahru, Kelantan pada 13 Ogos 2019 hingga 17 Ogos 2019.

**Ketua Projek:** Haryati Ahmad (☎: 07-935 2459; ✉: [harya395@uitm.edu.my](mailto:harya395@uitm.edu.my))

